

22/12/1997

Pemilihan Daim dianggap tepat

GUA MUSANG, Ahad - Pelantikan Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin sebagai Pengarah Eksekutif, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) disifatkan langkah tepat dan wajar.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata pelantikan itu dibuat atas pertimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan keyakinan untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

"Saya percaya ini adalah suatu langkah yang baik hasil pertimbangan Perdana Menteri sendiri yang inginkan mereka layak untuk membantunya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pembangunan Parlimen Gua Musang, di Balai Rakyat Bukit Cekati, dekat sini, pagi ini.

Beliau diminta mengulas mengenai pengumuman Perdana Menteri melantik Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin, sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), di Kuala Lumpur, semalam.

(END)